

# Mahathir cabar calon PM PAS UM 22 JUL 1986 menentangnya

**KUALA LUMPUR 21 Julai** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencabar PAS supaya meletakkan calon yang mereka hendak jadikan Perdana Menteri bertanding melawan beliau di kawasan Kubang Pasu dalam pilihanraya akan datang.

"Orang itu hendaklah mempunyai kebolehan yang setanding dengan saya iaitu orang PAS yang mahu dijadikan Perdana Menteri dalam apa yang dikatakan sebagai negara Islam," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Seminar Antarabangsa mengenai Komoditi di Hotel Shangri-La di sini, beliau yakin PAS sudah bersedia dengan orang seumpama itu kerana mereka sangat bercita-cita untuk memerintah negara ini.

"Saya akan bertanding lagi dan sangat suka hendak melihat calon Perdana Menteri PAS, mereka boleh bertanding melawan saya. Kalau saya menang, saya akan jadi Perdana Menteri, jika parti mahukan saya, diharapkan begi-

tulah," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga membidas DAP kerana parti pembangkang itu cuba mengambil tindakan mahkamah menghalang pilihanraya daripada diadakan pada 2 dan 3 Ogos ini kerana dianggap pengumuman Suruhanjaya Pilihanraya mengenainya tidak sah.

"Adalah aneh bagi DAP untuk menghalang berlangsungnya pilihanraya, kita ingat mereka sangat beria-ia untuk bertanding dalam pilihanraya. Kalau mereka belum bersedia, beritahu-kan pada kita yang mereka belum bersedia. Mungkin kita boleh menangguhkan pilihanraya.

"Tapi mereka sudah banyak sangat cakap tentang pilihanraya. Kita ingat mereka sudah bersedia. Ini semua alasan. Kita sudah memberi masa yang cukup kepada mereka untuk bertanding.

"Kalau mereka takut, tak payahlah lawan," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir sambil tersenyum.

Perdana Menteri berkata, kalau DAP belum ber-

sedia, janganlah mengganggu kerja orang lain dan cuba menangguhkan pilihanraya.

Ditanya mengenai manifesto DAP yang berikrar mahu menafikan Barisan Nasional daripada memperoleh majoriti dua pertiga, Perdana Menteri memberitahu, beliau belum membaca manifesto tersebut.